

Islam Hadhari teras lima koridor ekonomi – Abdullah

UM - 13 / 2 / 2008

Oleh NAZRULLAH ROSLI
dan SAIFULIZAM MOHAMAD

BANGI 12 Feb. – Pendekatan Islam Hadhari akan menjadi teras kepada pelaksanaan lima wilayah koridor ekonomi yang telah dilancarkan di seluruh negara bagi memastikan tujuannya untuk menyeimbangkan pembangunan antara kawasan kawasan maju dan kurang maju tercapai.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, langkah tersebut mampu memberi limpahan nikmat pembangunan kepada rakyat secara lebih komprehensif, adil dan saksama.

Katanya, sebagai pemimpin utama kerajaan adalah menjadi tanggungjawab beliau mencari jalan cara untuk meningkatkan taraf hidup rakyat supaya tiada di kalangan mereka terus ketinggalan.

“Atas asas ini lahirlah dua gagasan idea yang bagi saya cukup penting iaitu pelaksanaan pendekatan Islam Hadhari dan meneruskan usaha membangunkan wilayah koridor ekonomi yang telah pun dilancarkan sebelum ini.

“Kita akan pastikan kedua-duanya berjalan lancar demi kesejahteraan rakyat. Kerajaan komited untuk melaksanakannya kerana pada akhirnya rakyat yang akan mendapat faedah dan manfaatnya,” kata beliau.

Perdana Menteri berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Institut Islam Hadhari, Kursi Syekh Abdullah Fahim, *Buku Biografi Tun Abdullah Salleh* dan Kompleks Tun Abdullah Mohd. Salleh di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Pengajian

Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr. Abdullah Md. Zin; Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan Naib Canselor UKM, Prof. Datuk Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin.

Dalam pada itu, Abdullah berkata, sebelum tercetusnya idea untuk mewujudkan wilayah koridor ekonomi, memang terdapat perbezaan dari segi pembangunan antara satu kawasan dengan kawasan yang lain di Malaysia.

“Sebagai contoh, tahap pembangunan antara Pantai Barat dan Pantai Timur nampak jurang yang cukup ketara. Pantai Barat maju manakala Pantai Timur tidak. Begitu juga perbezaan antara kawasan Lembah Klang dengan bandar-bandar lain juga wujud jurang.

“Kita mahu perkara ini diubah iaitu semua kawasan wajar mendapat limpahan pembangunan yang seimbang agar taraf hidup rakyat dapat ditingkatkan. Apa yang kita lakukan ini terdapat dalam prinsip-prinsip Islam Hadhari,” ujarinya.

Beliau turut menarik perhatian hadirin apabila berkongsi pengalaman ketika memegang jawatan Menteri Pelajaran pada satu masa dahulu.

“Saya lihat sendiri bagaimana daifnya sekolah-sekolah di kawasan pedalaman Sarawak dan pengalaman itu mengajar saya supaya berbuat sesuatu agar mereka boleh menerima limpahan pembangunan.

“Itu yang mendorong saya mencetuskan idea ini (koridor wilayah ekonomi) dan bagi memastikan hasrat serta tujuannya tercapai ia perlu disertakan dengan pendekatan Islam Hadhari,” ujarinya.

Sementara itu, pada sidang akhbar selepas



ABDULLAH Ahmad Badawi melihat sebahagian hasil tulisan Abdullah Salleh selepas melancarkan Institut Islam Hadhari dan pelancaran *Buku Biografi Tun Abdullah Salleh di Bangi*, semalam. Turut hadir Dr. Sharifah Hapsah Syed Hasan Shahabudin dan Mustapa Mohamed.

– Gambar MOHD. NOOR AMIN

majlis tersebut, Abdullah berkata, semua wakil rakyat Barisan Nasional (BN) termasuk menteri-menteri Kabinet bekerja keras untuk menyelesaikan masalah rakyat.

Katanya, kerajaan komited dan secara berterusan memastikan tahap hidup rakyat sentiasa ditingkatkan melalui pelbagai projek pembangunan yang telah dirancang.